

## Bayi lelaki dalam tong sampah diberi nama Mohd. Ramadan

**TEMERLOH** – Bayi lelaki yang ditemui dibuang di dalam tong sampah di hadapan sebuah rumah di Taman Temerloh Jaya, di sini pagi semalam akan diberi nama Mohd. Ramadan sempena mengambil keberkatan bulan mulia ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Mutimedia Negeri, Datuk Shahaniza Sham-suddin berkata, bayi seberat 2.4 kilogram yang ditemui pada hari kedua umat Islam mengerjakan ibadah puasa kini berada dalam keadaan stabil dan masih dirawat di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hoshas) di sini.

“Untuk sementara bayi lelaki ini akan ditempatkan di Hoshas untuk pemerhatian selama seminggu.

“Kemudian bayi ini akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk ditempatkan di rumah perlindungan,” katanya selepas meluangkan masa melawat bayi berkenaan di Hoshas.

*Kosmo!* semalam melaporkan penduduk Taman Temerloh Jaya, Temerloh gempar dengan penemuan seorang bayi lelaki di dalam tong sampah di kawasan perumahan itu.

XHAIRUDDIN memunjukkan tong sampah di hadapan namanya di Taman Temerloh Jaya, Temerloh, tempat bayi lelaki (gambar kecil) ditemui dibuang semalam.

**Bayi menangis ditemui di dalam tong sampah di Temerloh, Pahang**

KERATAN Kosmo! semalam.



SHAHANIZA (kanan) mendukung bayi yang dijumpai di dalam tong sampah sewaktu melawatnya di Hoshas, Temerloh semalam.